

THE APPLICATION OF e-WALLET IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF SHARIAH POINT OF VIEW

PENGGUNAAN e-WALLET DI MALAYSIA: ANALISA DAN PANDANGAN MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Wan Nurliza W.Ramliⁱ, Hairin Herlina Abdul Halimⁱⁱ, Nur Farizah Ismailⁱⁱⁱ & Syazwan Othman^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Ketua, Jabatan Penyelidikan & Tadbir Urus Syariah, Bank Rakyat. wan.nurliza@bankrakyat.com.my

ⁱⁱ Penolong Pengurus, Jabatan Penyelidikan & Perundingan Syariah, Bank Rakyat. hairin.herlina@bankrakyat.com.my

ⁱⁱⁱ Eksekutif Kanan, Jabatan Penyelidikan & Perundingan Syariah, Bank Rakyat. nur.farizah@bankrakyat.com.my

^{iv} Eksekutif, Jabatan Penyelidikan & Perundingan Syariah, Bank Rakyat. syazwan@bankrakyat.com.my

Abstract	<p><i>This research focuses on the structures and implementation of e-Wallet in Malaysia and its Shariah issues. This research also explains the definition, function and differences between e-Wallet and e-Money (electronic money). In addition, the research analyses the implementation of e-Wallet and its application of akad, the relationship between the users and e-Wallet issuers as well as the operational and Shariah issues involved. The outcome of the research suggested a number of possible solutions and proposed recommendations including the implementation of akad, business transactions involving non-Shariah compliant items, the fund placement of e-Wallet users into the trustee account of conventional banking institutions, as well as issues related to the rewards given to e-Wallet users.</i></p> <p>Keywords: <i>e-Wallet, e-Money, Parameter, Solution, Shariah.</i></p>
Abstrak	<p><i>Perbincangan kajian ini adalah berkaitan dengan struktur dan isu-isu Syariah berkaitan pelaksanaan e-Wallet yang ditawarkan di Malaysia. Kajian ini juga menghuraikan definisi, fungsi dan perbezaan di antara e-Wallet dan e-Money (wang elektronik). Analisa dibuat ke atas struktur model pelaksanaan e-Wallet, pelaksanaan akad dalam aplikasi e-Wallet, hubungan di antara Pengguna, Pengendali dan Pedagang e-Wallet serta isu-isu operasi dan Syariah berkaitan kontrak di antara ketiga-tiga pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan e-Wallet tersebut. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, beberapa solusi Syariah dan cadangan penambahbaikan telah dikemukakan seperti pelaksanaan akad, transaksi urusniaga yang melibatkan barangan tidak patuh Syariah, isu penempatan dana e-Wallet pengguna dalam akaun amanah di institusi perbankan konvensional serta isu berkaitan ganjaran yang diberikan kepada Pengguna e-Wallet.</i></p> <p>Kata kunci: <i>e-Wallet, e-Money, Parameter, Solusi, Syariah.</i></p>

PENDAHULUAN

Sistem dan aplikasi e-Wallet merupakan sebahagian daripada fasiliti bayaran yang telah dibangunkan dan berkembang dengan pantas di kebanyakan negara di dunia. Kerajaan Malaysia telah mula memperkenalkan aplikasi penggunaan e-Wallet melalui telefon pintar yang berpotensi untuk menggantikan kaedah bayaran tunai pada tahun 2017. Revolusi kaedah bayaran secara digital di Malaysia telah mula diperkenalkan oleh *Samsung Pay* dimana pengguna hanya perlu menyentuh telefon pintar pada terminal bayaran dan memasukkan nombor pin atau mengimbas cap jari sebelum transaksi bayaran dilaksanakan (Samsung Pay, n.d).

Selaras dengan implementasi dan pelaksanaan e-Wallet yang telah digunakan secara meluas, proses penilaian Syariah dan parameter pematuhan Syariah adalah signifikan untuk diwujudkan dengan perincian yang holistik sebagai tanda aras yang perlu dirujuk tanpa sebarang pertikaian.

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan iaitu *Guideline on Electronic Money (e-Money)* untuk dipatuhi oleh semua pengeluar e-Money di Malaysia. Pengeluar e-Money perlu mendapatkan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia bagi mematuhi peruntukan Seksyen 25 (1) *Akta Sistem Pembayaran 2003 seperti berikut:*

25. (1) Tiada seorang pun boleh mengeluarkan sesuatu instrumen pembayaran yang ditetapkan melainkan jika dia telah —
- (a) mengemukakan kepada Bank dokumen dan maklumat sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bank;
 - (b) membayar fi yang ditetapkan oleh Bank; dan
 - (c) mendapat kelulusan bertulis daripada Bank untuk mengeluarkan instrumen pembayaran yang ditetapkan.

Walaubagaimana pun, garis panduan berkaitan e-Money yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bersifat umum dan tidak mempunyai perincian khusus berhubung dengan perbezaan di antara e-Money dan e-Wallet yang boleh dijadikan rujukan secara holistik kepada pengendali e-Money / e-Wallet menyebabkan wujudnya interpretasi yang berbeza terhadap garis panduan tersebut. Struktur pelaksanaan e-Money / e-Wallet di antara satu pengendali dengan pengendali yang lain adalah berbeza dan memerlukan perhatian khusus dalam melaksanakan penilaian ke atas status pematuhan Syariah bagi setiap platform bayaran digital tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengkaji konsep dan ciri-ciri platform bayaran digital e-Wallet yang diwujudkan dengan rujukan kepada resolusi Syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.
- ii. Menilai isu-isu yang berpotensi memberi kesan dari aspek pematuhan Syariah ke atas aplikasi e-Wallet melalui pemerhatian ke atas operasi enam (6) e-Wallet terpilih.
- iii. Mencadangkan penambahbaikan terhadap status kepatuhan Syariah kepada pengendali e-Wallet seperti di atas.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini memberi fokus kepada enam (6) pengendali e-Wallet iaitu 3 pengendali e-Wallet daripada kategori institusi perbankan dan tiga (3) pengendali e-Wallet daripada kategori pengendali bukan institusi perbankan seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Kategori Pengendali e-Wallet

Pengendali e-Wallet (<i>Banks</i>)	Pengendali e-Wallet (<i>Non-Banks</i>)
Maybank QR Pay	Touch 'n Go e-Wallet

Bank Islam - KiplePay	Boost
MBSB e-Wallet	ShopeePay

Faktor pemilihan enam (6) pengendali e-Wallet seperti di atas adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut:

- i. Kajian perbandingan akan dilaksanakan berdasarkan kategori pengendali e-Wallet daripada institusi perbankan dan kategori bukan institusi perbankan.
- ii. Pemilihan tiga (3) pengendali e-Wallet daripada kategori bukan institusi perbankan adalah berdasarkan hasil tinjauan secara rawak dan statistik data yang diperolehi daripada direktori laman sesawang Malaysia menunjukkan bahawa Touch 'n Go e-Wallet, Boost dan ShopeePay berada pada *ranking* teratas yang digunakan secara meluas oleh rakyat Malaysia.

Kajian berkaitan “Penggunaan e-Wallet di Malaysia: Analisa dan Pandangan Menurut Perspektif Syariah” dilaksanakan sebagai usaha untuk menganalisa isu-isu yang berpotensi memberi kesan dan impak dari aspek pematuhan Syariah berdasarkan ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia ke atas operasi pelaksanaan e-Wallet yang semakin berkembang mutakhir ini.

KAJIAN LITERATUR

Penyelidik mendapati bahawa kajian berkaitan pelaksanaan e-Wallet dan aplikasi kontrak Syariah yang terlibat dalam struktur e-Wallet masih berada di tahap yang minima. Justeru, berdasarkan pembacaan terhad, kajian literatur dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:

Pelaksanaan E-Wallet Di Malaysia

Pelaksanaan e-Wallet di Malaysia telah mendapat sambutan yang baik di kalangan rakyat Malaysia melalui sokongan penuh daripada Kerajaan Malaysia. Pada Januari 2020, kerajaan Malaysia telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM450 juta di bawah pelaksanaan Program e-Tunai Rakyat. Rakyat Malaysia yang berkelayakan boleh menuntut e-Tunai berjumlah RM30 seorang daripada mana-mana tiga pengendali e-Wallet terpilih iaitu Grab, Boost, dan Touch 'n Go e-Wallet (Kementerian Kewangan Malaysia, 2019).

Kerajaan Malaysia sekali lagi menggunakan platform e-Wallet dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat di mana kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM750 juta di bawah Program Kredit ePenjana kepada rakyat yang memenuhi kriteria dan syarat kelayakan yang ditetapkan. Menerusi program ini, rakyat Malaysia yang layak boleh memohon kredit melalui tiga pengendali e-Wallet yang terpilih, iaitu Boost, GrabPay dan juga Touch 'n Go e-Wallet, dengan kerjasama aplikasi pengesan kontak COVID-19, MySejahtera (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020).

Definisi e-Wallet

E-Wallet atau dompet digital adalah merupakan peranti elektronik atau perkhidmatan secara *online* atau aplikasi perisian yang membolehkan seseorang melaksanakan urusanniaga secara elektronik bersama pihak lain melalui pertukaran (*bartering*) wang digital dengan sesuatu barangan atau perkhidmatan (Wikipedia, 2020).

E-Wallet menerusi aplikasi telefon pintar mampu merekodkan semua transaksi kewangan melalui e-Money, kad debit atau kad kredit. Walau bagaimanapun, untuk melaksanakan sesuatu transaksi melalui e-Wallet, tanpa menggunakan kad kredit dan kad debit, pengguna memerlukan e-Money bagi memastikan transaksi tersebut berjaya dilaksanakan.

Definisi e-Money

Bank Negara Malaysia mendefinisikan e-Money sebagai instrumen pembayaran yang mengandungi nilai jumlah wang yang dibayar terlebih dahulu oleh Pengguna kepada Pengeluar e-Money. Pengguna e-Money boleh membuat bayaran ke atas pembelian barangan atau perkhidmatan kepada pedagang (*merchant*) yang menerima e-Money sebagai medium bayaran.

Dana terkumpul e-Money akan disimpan di dalam akaun amanah atau akaun deposit yang dikhususkan di institusi kewangan berlesen. Pengeluar e-Money adalah tidak dibenarkan untuk membayar faedah atau keuntungan ke atas baki e-Money dan tidak dibenarkan menggunakan e-Money untuk memberi pinjaman kepada orang lain. Penggunaan e-Money adalah lebih selamat, mudah dan boleh dikesan (Ringgit, 2019).

Berdasarkan definisi di atas, terdapat perbezaan di antara e-Wallet dan e-Money. E-Wallet berperanan sebagai dompet elektronik yang wujud di dalam bentuk aplikasi di telefon pintar yang menyimpan semua bentuk instrumen pembayaran, tidak terhad kepada e-Money, kad kredit atau kad debit dan ia merekodkan segala bentuk transaksi yang dilakukan. Pembayaran menggunakan e-Wallet boleh dilaksanakan dengan menggunakan e-Money, kad kredit atau kad debit. Pengguna hanya perlu mengimbas (*scan*) di kod *Quick Response* (QR) atau melalui sentuhan kad pada terminal bayaran kad *Paywave* di kaunter bayaran.

E-Money pula adalah alternatif kepada tunai fizikal yang berfungsi sebagai penyimpan nilai wang secara elektronik. Ia boleh berada di dalam bentuk kad dan juga e-Wallet. Kad Touch 'n Go merupakan salah satu bentuk e-Money. Apabila aplikasi e-Wallet diperkenalkan Touch 'n Go turut memperkenalkan Touch 'n Go e-Wallet. E-money turut digunakan sebagai medium bayaran yang dibayar kepada pengeluar e-Money dan boleh digunakan untuk transaksi bayaran kepada pihak-pihak lain selain daripada pengeluar e-Money tersebut. Contoh e-Money yang berasaskan kad ialah seperti BigPay, AEON Wallet, Merchantrade Money e-wallet. Manakala contoh e-Money yang berasaskan rangkaian (*network*), seperti WeChat Pay, Grab Pay, Boost, Touch 'n Go e-Wallet.

Peruntukan Seksyen 25 (1) Akta Sistem Pembayaran 2003 telah mewajibkan setiap pengendali e-Money perlu mendapat pengesahan dan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia sebelum beroperasi.

Pada 29 dan 30 Januari 2020, Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan resolusi "*E-Money as a Shariah Compliant Instrument*" dengan pematuhan kepada ketetapan Syariah tertentu dan distruktur berdasarkan kontrak Syariah yang bersesuaian bagi memastikan tanggungjawab dan hak pihak-pihak yang berkontrak adalah terpelihara. Pengendali e-Money dianggap sebagai patuh Syariah setelah lesen operasi diluluskan oleh Bank Negara Malaysia selaras dengan peruntukan undang-undang seksyen 28 (1) dan (2), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 seperti berikut:

28. (1) Suatu institusi hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiinya adalah mematuhi Syariah.

(2) Bagi maksud Akta ini, suatu pematuhan kepada apa-apa keputusan Majlis Penasihat Syariah berkenaan dengan apa-apa matlamat tertentu dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti hendaklah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah berkenaan dengan matlamat dan pengendalian, perniagaan, hal ehwal atau aktiviti itu.

Berdasarkan kepada resolusi Syariah yang dikeluarkan Bank Negara Malaysia di atas, dapat difahami bahawa:

- i. Resolusi tidak terhad kepada penggunaan e-Money semata-mata, bahkan ia juga merujuk kepada penggunaan e-Wallet.
- ii. Bank Negara Malaysia menekankan bahawa, kawalan akta IFSA 2013 yang perlu dipatuhi hanyalah terhad kepada Institusi Perbankan Islam sahaja.
- iii. Oleh yang demikian, pengendali e-Wallet yang terdiri daripada syarikat-syarikat (bukan Institusi Perbankan Islam) adalah tidak tertakluk kepada kawalan Bank

Negara Malaysia. Justeru, status kepatuhan Syariah bagi setiap pengendali lebih terbuka kerana syarikat-syarikat tersebut tidak tertakluk di bawah seliaan Bank Negara Malaysia (Wan Rumaizi, 2020).

E-Wallet daripada Perspektif Syariah

Pelaksanaan e-Wallet boleh membawa kepada isu ketidakpatuhan Syariah bukan sahaja dari aspek kategori barangan dan perkhidmatan yang haram di sisi Syariah, tetapi juga ke atas struktur pelaksanaan e-Wallet yang mempunyai elemen *Gharar* yang turut menjadi faktor yang menyumbang kepada isu ketidakpatuhan Syariah.

Dalam konteks pelaksanaan e-Wallet melalui platform yang disediakan oleh Pengendali e-Wallet, struktur kontrak perlu diperhalusi agar pelaksanaannya adalah selaras dengan ketetapan Syariah. Struktur e-Wallet melibatkan pihak yang berkontrak iaitu Pengguna, Pengendali e-Wallet dan Pedagang. Kontrak yang melibatkan ketiga-tiga pihak ini perlu dikaji dengan lebih teliti agar hasil pendapatan yang diterima menerusi urusniaga di antara pihak-pihak tersebut adalah halal di sisi Syariah.

Sehingga ke hari ini, tiada sebarang parameter atau garis panduan Syariah yang memperincikan kontrak dari sudut Syariah ke atas aplikasi e-Wallet yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat umum. Justeru, keperluan kepada garis panduan dan parameter Syariah ke atas aplikasi e-Wallet tidak boleh dipandang ringan khususnya bagi pihak pengawalselia (*regulator*), Majlis Fatwa Kebangsaan dan badan-badan berautoriti bagi memastikan pelaksanaan e-Wallet yang ditawarkan kepada masyarakat selaras dengan kehendak dan keperluan Syara' dan tidak menimbulkan kegusaran kepada masyarakat Islam di Malaysia.

ISU-ISU SYARIAH DI DALAM PENGGUNAAN E-WALLET DI MALAYSIA

Berdasarkan kajian terhadap penggunaan e-Wallet di Malaysia, terdapat beberapa isu Syariah yang telah dikenalpasti seperti berikut :

Isu Ketiadaan Akad yang Jelas Antara Pihak yang Berkontrak

Secara umumnya, struktur aplikasi e-Wallet di Malaysia melibatkan tiga (3) pihak iaitu Pengguna, Pengendali e-Wallet, dan Syarikat Pedagang yang berdaftar dengan Pengendali e-Wallet. Hubungan di antara ketiga-tiga pihak yang terlibat di dalam struktur ini boleh dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

i. Hubungan di antara Pengguna dan Pengendali e-Wallet

Hubungan di antara Pengguna dengan Pengendali e-Wallet dianalisa dari aspek peranan Pengendali e-Wallet dalam mengendalikan wang Pengguna, pelaksanaan pembukaan akaun amanah/akaun deposit dan kebenaran untuk melaburkan duit Pengguna serta caj-
caj yang dikenakan kepada Pengguna.

Kajian mendapati bahawa Pengendali e-Wallet / e-Money mempunyai peranan yang berbeza mengikut struktur operasi e-Wallet seperti berikut:

- a. Mewakili Pengguna melaksanakan bayaran bagi transaksi pembelian kepada Pedagang;
- b. Mengenakan caj perkhidmatan kepada Pengguna seperti caj pengeluaran, caj pindahan wang, dll;
- c. Pengendali e-Wallet mengendalikan e-Wallet dan e-Money;
- d. Pengendali e-Money hanya mengendalikan e-Money, bukan e-Wallet.

Berdasarkan fungsi dan peranan Pengendali e-Wallet / e-Money seperti di atas, kajian mendapati bahawa tiada prinsip Syariah khusus yang mendasari pelaksanaan akaun e-Wallet terutamanya dalam struktur e-Money yang dikendalikan oleh Pengendali e-Wallet. Peranan Pengendali e-Wallet / e-Money yang dijustifikasikan melalui perincian hubungan di antara pihak-pihak yang terlibat berdasarkan prinsip Syariah merupakan keperluan penting bagi memastikan pelaksanaan e-Wallet bebas daripada elemen ketidakpatuhan Syariah seperti *Riba*, *Gharar*, *Maysir* dan seumpama dengannya.

Justifikasi aplikasi prinsip Syariah dalam pelaksanaan e-Wallet juga penting sebagai indikator penentuan ke atas status pendapatan yang diterima oleh Pengendali e-Wallet sama ada halal atau sebaliknya.

ii. Hubungan di antara Pengendali e-Wallet dan Syarikat Pedagang

Hubungan di antara Pengendali e-Wallet dan syarikat Pedagang dilihat dari sudut kewujudan akad yang mendasari kedua-dua pihak yang berkontrak, kaedah bayaran yang diterima daripada syarikat Pedagang serta penangguhan bayaran daripada Pengendali e-Wallet kepada Pedagang, tapisan Syariah ke atas aktiviti syarikat pedagang dan sebagainya.

Berdasarkan analisa ke atas modus operandi e-Wallet yang dilaksanakan, tiada perincian maklumat berkaitan hubungan di antara Pengendali e-Wallet dan Pedagang berdasarkan prinsip Syariah yang bersesuaian. Kajian juga mendapati bahawa Pengendali e-Wallet mengenakan caj kepada Pedagang seperti *Seller Fees*, *Merchant Discount Rate (MDR)*, *Transaction Fees* dan *Commission Fees*.

Secara umumnya, semua yuran dan caj yang dikenakan kepada Pedagang oleh Pengendali e-Wallet adalah sama iaitu adalah bayaran yang dikenakan kepada Pedagang oleh Pengendali e-Wallet setelah transaksi pembelian berjaya dilakukan oleh Pengguna. Walaupun menggunakan istilah yang berbeza mengikut jenis e-Wallet dan kategori Pedagang, iaitu Pedagang individu dan Pedagang *Mall*.

iii. Hubungan di antara Pengguna dan Pedagang

Hubungan di antara Pengguna dan Pedagang dilihat dari sudut transaksi urusanniaga yang berlaku di antara keduanya. Selain itu, penilaian juga dibuat ke atas kawalan Syariah terhadap jenis-jenis barangan jualan yang boleh didapati di kedai *online* Pedagang terutamanya yang melibatkan jualan barangan *ribawi* seperti jualbeli barangan emas dan perak dan juga penawaran hadiah serta lain-lain ganjaran yang ditawarkan oleh pihak Pedagang kepada Pengguna.

Isu Syarikat Pedagang yang Melaksanakan Perniagaan Tidak Patuh Syariah

Pengendali e-Wallet menetapkan parameter dan polisi tertentu yang perlu dipatuhi oleh Pedagang yang berminat untuk menggunakan platform e-Wallet bagi tujuan urusanniaga. Berdasarkan amalan semasa, syarikat Pedagang perlu membuat permohonan dan pendaftaran melalui Pengendali e-Wallet sebelum menawarkan perkhidmatan kepada Pengguna.

Berdasarkan penelitian yang dilaksanakan, kajian mendapati bahawa terdapat Pedagang yang menawarkan perkhidmatan tidak Patuh Syariah, seperti menjual minuman beralkohol, makanan yang tidak halal, barangan berkaitan perjudian, seks, patung keagamaan dan lain-lain lagi.

Bagi mengatasi isu di atas, Pengendali e-Wallet perlu bertanggungjawab untuk membuat semakan aktiviti perniagaan Pedagang sebelum meluluskan permohonan sebagai Pedagang berdaftar dalam platform e-Wallet tersebut. Parameter pemilihan Pedagang perlu mempunyai elemen kepatuhan Syariah bagi memastikan platform e-Wallet yang dikendalikan adalah patuh Syariah.

Urusniaga yang Melibatkan Barangan *Ribawi*

Urusniaga yang melibatkan barangan *ribawi* mempunyai syarat yang khusus bagi memastikan pelaksanaan akad di antara Pengguna dan Pedagang adalah selaras dengan ketetapan Syariah. Kajian mendapati bahawa terdapat Pedagang yang menawarkan pembelian barang kemas secara atas talian.

Berdasarkan pemerhatian yang dilaksanakan, urusanniaga barang kemas melalui aplikasi platform e-Wallet dilaksanakan tanpa mematuhi parameter dan syarat berkaitan jualbeli barang kemas. Tiada sebarang kriteria khusus yang membezakan urusanniaga yang melibatkan emas dengan barangan-barangan lain. Urusniaga emas melalui platform e-Wallet terdedah kepada elemen tangguhan. Transaksi urusanniaga emas di antara Pengguna

dan Pedagang tidak berlaku secara spot. Tiada sebarang perincian berkaitan *taqabud* yang dinyatakan setelah bayaran dilaksanakan oleh Pengguna. Penentuan kaedah *taqabud* secara hukmi atau hakiki perlu dijelaskan bagi memastikan elemen *Riba al-Buyu'* tidak berlaku.

Urusniaga yang melibatkan barangan *ribawi* juga terdedah kepada unsur-unsur *Gharar* apabila spesifikasi barangan yang ditawarkan oleh Pedagang tidak diperincikan dengan jelas. Penawaran barangan jualan melalui gambar-gambar yang tidak sama dengan barangan sebenar terutamanya yang melibatkan saiz dan kualiti barangan akan menyebabkan status kesahan transaksi urusniaga terjejas dari aspek Syariah.

Isu Penempatan Dana e-Wallet Pengguna dalam Akaun Amanah di Institusi Perbankan Konvensional

Berdasarkan kepada *Guideline on Electronic Money (e-Money)*, mana-mana pengendali yang menyediakan perkhidmatan e-Wallet perlu menyediakan satu akaun amanah bagi tujuan melindungi dana Pengguna. Pengendali e-Wallet yang berskala besar perlu mewujudkan akaun amanah yang tertakluk kepada syarat berikut (Payment Compliance, 2019):

- i. Dana yang telah didepositkan digunakan bagi tujuan bayaran *refund* kepada pengguna dan bayaran kepada pedagang. Pengendali e-Wallet juga perlu memastikan bahawa setiap masa jumlah dana yang ada melebihi jumlah liabiliti e-Money yang belum dijelaskan.
- ii. Pelaburan dana yang disimpan juga adalah terhad kepada aset cair yang berkualiti dan ditempatkan di institusi yang berlesen. Pendapatan daripada pelaburan juga tidak boleh digunakan bagi apa-apa tujuan lain melainkan bayaran *refund* kepada pengguna dan bayaran kepada pedagang.
- iii. Yuran dan caj berkaitan pentadbiran akaun amanah tidak boleh diperolehi daripada dana yang berasal dari akaun amanah itu sendiri, melainkan jumlah yang dipegang melebihi jumlah terkumpul liabiliti e-Money.
- iv. Salinan surat ikatan amanah itu hendaklah dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Pengendali e-Wallet dibenarkan mengambil komisen daripada jumlah keuntungan pelaburan daripada akaun amanah dengan syarat ianya dinyatakan di dalam dokumen "*trust deed*".

Kajian mendapati bahawa kebanyakan Pengendali e-Wallet tidak menyatakan secara jelas berkaitan penempatan dana e-Wallet ke dalam akaun amanah sama ada didepositkan di institusi perbankan patuh Syariah atau perbankan konvensional. Kebarangkalian bagi Pengendali e-Wallet untuk menempatkan dana akaun amanah tersebut di institusi perbankan konvensional adalah tidak mustahil. Justeru, isu penempatan dana e-Wallet milik Pengguna di institusi perbankan konvensional oleh Pengendali e-Wallet dilihat membantu perkembangan industri perbankan konvensional tanpa disedari oleh Pengguna.

Keterlibatan Pengguna e-Wallet memindahkan deposit daripada institusi perbankan patuh Syariah kepada akaun e-Wallet yang ditempatkan di akaun amanah Pengendali e-Wallet di institusi perbankan konvensional secara tidak langsung menyebabkan Pengguna terjebak dalam aktiviti muamalat yang tergelincir daripada landasan ketetapan Syariah berdasarkan kepada firman Allah SWT, seperti berikut :

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ﴾

Maksudnya, "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan" (al-Quran. Al-Ma'idah: 2).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KE ARAH PELAKSANAAN E-WALLET PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

Berdasarkan analisa kajian ke atas isu-isu Syariah yang dikenalpasti melalui pelaksanaan perkhidmatan e-Wallet, status pematuhan Syariah ke atas platform e-Wallet yang disediakan oleh syarikat Pengendali e-Wallet perlu diperincikan dan dimaklumkan kepada umum bagi membolehkan Pengguna boleh membuat pilihan ke atas perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengendali e-Wallet. Status pematuhan Syariah ke atas platform e-Wallet yang ditawarkan kepada Pengguna tidak seharusnya disembunyikan daripada pengetahuan umum bagi menjamin integriti dan ketelusan dalam operasi pelaksanaan e-Wallet tersebut.

Oleh yang demikian, kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan yang perlu dilaksanakan sebagai panduan kepada Pengendali e-Wallet yang ingin menawarkan platform e-Wallet "Patuh Syariah".

Cadangan penambahbaikan pelaksanaan e-Wallet patuh Syariah adalah seperti berikut:

Mewujudkan Parameter dan Garis Panduan Syariah Berkenaan Pelaksanaan e-Wallet

Parameter dan garis panduan Syariah perlu diwujudkan oleh *regulator* e-Money iaitu Bank Negara Malaysia (BNM) supaya keselarasan pelaksanaan diperingkat nasional dapat diadaptasi oleh semua pengendali e-Wallet khususnya di Malaysia. Parameter dan garis panduan Syariah tersebut perlu menyatakan perbezaan yang jelas di antara e-Money dan e-Wallet sebagai rujukan Pengendali e-Wallet yang berada dalam kategori institusi perbankan dan syarikat pengendali *non-bank* seperti Touch & Go e-Wallet. Parameter dan Garis Panduan Syariah tersebut menjadi rujukan utama bagi semua Pengendali e-Wallet termasuklah Pedagang (*merchant*) yang menggunakan sistem penerimaan pembayaran menggunakan e-Wallet.

Selain itu juga BNM juga perlu mewujudkan polisi dokumen berkaitan pelaksanaan perkhidmatan e-Wallet patuh Syariah bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan mematuhi ketetapan Syariah. Perkara utama yang perlu dijelaskan dalam penstrukturan Garis Panduan Syariah adalah seperti berikut:

i. Pembukaan Akaun Amanah Patuh Syariah

Pengguna yang mendaftar untuk membuka akaun e-Wallet perlu meletakkan sejumlah wang ke dalam akaun Pengendali e-Wallet bagi membolehkan transaksi bayaran dilaksanakan melalui platform e-Wallet. Keperluan untuk meletakkan wang di dalam akaun e-Wallet tersebut adalah daripada kategori e-Wallet prabayar seperti Touch n Go e-Wallet. Jumlah wang terkumpul di dalam akaun e-Wallet Pengguna yang diuruskan oleh Pengendali e-Wallet diletakkan dalam satu akaun sebelum dipindahkan kepada syarikat Pedagang bagi tujuan bayaran.

Pengendali e-Wallet perlu membuka akaun amanah di mana-mana institusi Perbankan Islam yang berdaftar bagi mengelakkan kerjasama di antara Pengendali e-Wallet dengan institusi Perbankan konvensional yang melaksanakan perbankan berasaskan *Riba*. Oleh yang demikian, Pengendali e-Wallet perlu menyatakan di dalam Terma dan Syarat platform e-Wallet yang ditawarkan bahawa dana e-Wallet Pengguna akan ditempatkan di institusi perbankan Islam. Praktis ini sekaligus menyokong perkembangan industri perbankan Islam dan melengkapkan platform e-Wallet dengan transaksi patuh Syariah yang melibatkan ketiga-tiga pihak iaitu Pengguna, Pengendali dan Pedagang e-Wallet.

ii. Pelaburan Patuh Syariah

Klausa 10.2 (c), *Guideline on Electronic Money (e-Money)* memperuntukkan bahawa Pengendali e-Wallet berskala besar dibenarkan untuk membuat pelaburan yang mempunyai kecairan yang tinggi seperti penempatan dana di institusi perbankan, pembelian sekuriti kerajaan dengan jaminan atau instrumen-instrumen pelaburan yang berisiko rendah.

Oleh yang demikian, Pengendali e-Wallet perlu menempatkan dana atau pelaburan ke atas instrumen patuh Syariah sahaja. Perkara ini merupakan elemen yang penting dalam pengurusan wang amanah pengguna kerana Pengendali e-Wallet perlu memastikan wang yang dilaburkan adalah menggunakan instrumen pelaburan atau simpanan patuh Syariah. Dana pelaburan tersebut merupakan sejumlah wang di dalam akaun e-Wallet Pengguna yang dikreditkan daripada akaun Bank milik pengguna ke dalam akaun e-Wallet yang disediakan oleh Pengendali e-Wallet. Akaun e-Wallet tersebut hanya akan berkurangan sekiranya berlaku transaksi pembelian oleh Pengguna dan bayaran akan dibuat kepada Pedagang oleh Pengendali e-Wallet.

Justeru, pelaburan yang dilaksanakan oleh Pengendali e-Wallet ke atas dana akaun amanah tersebut perlu dimaklumkan kepada Pengguna melalui Terma dan Syarat atau mana-mana dokumen yang bersesuaian ketika proses permohonan dan pendaftaran e-Wallet dibuat oleh Pengguna bagi menjamin integriti dan ketelusan dalam operasi e-Wallet tersebut.

iii. Pelaksanaan Akad dan Hubungan di Antara Pengguna, Pengendali e-Wallet dan Syarikat Pedagang

Berdasarkan struktur operasi dan modus operandi platform e-Wallet, kajian telah mengemukakan solusi Syariah ke atas modus operandi pelaksanaan akad bagi platform e-Wallet yang melibatkan aplikasi konsep Syariah di antara pihak-pihak yang terlibat seperti berikut :

- a. Hubungan antara Pengguna dan Pengendali e-Wallet,
- b. Hubungan antara Pengendali e-Wallet dan Syarikat Pedagang, dan
- c. Hubungan antara Pengguna dan Syarikat Pedagang.

Perincian hubungan antara pihak-pihak yang terlibat berdasarkan prinsip Syariah merupakan keperluan penting bagi memastikan pelaksanaan e-Wallet bebas daripada elemen ketidakpatuhan Syariah seperti *riba*, *gharar* dan *maysir* dan seumpama dengannya.

Justifikasi aplikasi prinsip Syariah antara Pengguna, Pengendali dan Pedagang dalam pelaksanaan e-Wallet adalah penting sebagai indikator penentuan ke atas status kepatuhan Syariah platform digital tersebut.

iv. Mewujudkan Tapisan Syariah Ke Atas Syarikat Pedagang

Berdasarkan perincian solusi Syariah ke atas isu transaksi urusan niaga yang melibatkan barangan tidak patuh Syariah, Pengendali e-Wallet bertanggungjawab untuk melaksanakan *screening process* ke atas permohonan yang diterima daripada Pedagang yang menawarkan kerjasama strategik melalui platform e-Wallet bagi memastikan barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pengguna adalah patuh Syariah.

Kajian mencadangkan *screening process* tersebut dijadikan sebagai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang perlu dilaksanakan sebagai langkah mitigasi risiko bagi mengelakkan Pengendali e-Wallet melaksanakan kerjasama dengan syarikat Pedagang yang menawarkan barangan yang tidak halal dan tidak patuh Syariah.

Penentuan Penawaran Perkhidmatan “Patuh Syariah” oleh Pengendali e-Wallet (eWallet-i)

Kajian juga mencadangkan supaya Bank Negara Malaysia sebagai *regulator* untuk mewujudkan *option* kepada Pengendali e-Wallet bagi tujuan kelulusan dan perlesenan. Pengendali e-Wallet perlu membuat pilihan samaada untuk beroperasi secara patuh Syariah dengan mematuhi parameter dan garis panduan yang ditetapkan atau memilih untuk beroperasi secara konvensional.

Kategori perlesenan Pengendali e-Wallet berdasarkan status kepatuhan Syariah adalah penting bagi membantu Pengguna membuat pilihan terbaik dan ia secara tidak langsung mengelakkan Pengguna terkeliru dengan status kepatuhan Syariah ke atas

platform e-Wallet yang ditawarkan. Praktis yang sama telah dilaksanakan melalui klasifikasi institusi perbankan Islam dan konvensional di bawah kawalan Bank Negara Malaysia dan ia menjadi indikator bahawa tiada sebarang halangan untuk melaksanakan *option* bagi tujuan perlesenan operasi e-Wallet di Malaysia.

Pelantikan Panel Penasihat Syariah Bagi Syarikat Pengendali e-Wallet yang Menyediakan Platform e-Wallet Patuh Syariah

Pelaksanaan e-Wallet yang beroperasi secara patuh Syariah memerlukan komitmen daripada syarikat Pengendali e-Wallet untuk memastikan tadbir urus syarikat tersebut lengkap dengan perlantikan Panel Penasihat Syariah yang berfungsi untuk mengawalselia semua transaksi dan aktiviti yang ditawarkan kepada Pengguna dan Pedagang. Kewujudan Panel Penasihat Syariah dijangka akan meningkatkan kepercayaan dan keyakinan Pengguna terhadap platform e-Wallet yang ditawarkan oleh Pengendali e-Wallet.

Kriteria perlantikan Panel Penasihat Syariah tersebut perlu ditentukan oleh Bank Negara Malaysia bagi memastikan panel yang dilantik mempunyai kelayakan yang bersesuaian selaras dengan fungsi dan tanggungjawab mereka ke atas kepatuhan Syariah platform e-Wallet yang ditawarkan kepada Pengguna dan Pedagang.

KESIMPULAN

Kepentingan meningkatkan kesedaran (*awareness*) terhadap status pematuhan Syariah ke atas platform bayaran digital e-Wallet adalah penting bukan sahaja kepada Pengguna, Pengendali e-Wallet dan Pedagang tetapi juga kepada seluruh ahli masyarakat terutamanya yang beragama Islam bagi memastikan transaksi muamalat dalam urusan harian tidak mempunyai sebarang unsur-unsur *Riba* yang ditegah oleh Islam.

Langkah-langkah proaktif perlu dipelopori oleh pihak yang berautoriti untuk mewujudkan model urusan platform e-Wallet patuh Syariah sebagai salah satu inisiatif bagi menyokong transformasi urusan secara digital yang bukan sahaja akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada Pengguna, tetapi juga kepada syarikat-syarikat Pedagang yang mampu bersaing secara profesional dalam menyediakan produk keperluan harian serta perkhidmatan kepada Pelanggan.

Keperluan kepada garis panduan dan parameter Syariah ke atas aplikasi e-Wallet tidak seharusnya dipandang ringan khususnya bagi pihak pengawalselia *regulator*, Majlis Fatwa Kebangsaan dan lain-lain badan autoriti bagi memastikan pelaksanaan e-Wallet yang ditawarkan kepada masyarakat selaras dengan kehendak dan keperluan Syara'.

Pengkategorian e-Wallet berdasarkan status kepatuhan Syariah melalui penambahan simbol "i" (eWallet-i) atau melalui pernyataan patuh Syariah yang dimasukkan di dalam terma dan syarat e-Wallet tersebut membolehkan Pengguna mendapat maklumat yang tepat berkaitan status kepatuhan Syariah platform e-Wallet tersebut. Malah ia juga akan membantu Pengguna membuat pilihan terbaik untuk menggunakan e-Wallet yang bukan sahaja menawarkan produk dan perkhidmatan harian yang pelbagai, tetapi juga membantu Pengguna tidak terlibat dengan urusan yang mempunyai unsur-unsur syubhah dan elemen ketidakpatuhan Syariah.

RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia. 2020. *Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah*. Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS).
- Bank Negara Malaysia. n.d. *Guideline on Electronic Money (E-Money)*. BNM/RH/GL 016-3. Payment Systems Policy Department.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2019. *Belanjawan 2020*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2020. *Siaran Media - Program RM750 Juta Kredit ePENJANA Untuk Rakyat Malaysia*. Portal Rasmi Kementerian Kewangan Malaysia.

Kerjasama di antara Gabungan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA) dan Bank Negara Malaysia (BNM). 2019. *Transaksi Tanpa Tunai Yang Selamat (Ringgit, Bil 1/2019)*. Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC).

Internet

Malaysia: Practical Guide: E-Money Licensing | Payments Compliance. 2019. *Payments Compliance*. https://paymentscompliance.com/premiumcontent/research_report/malaysia-practical-guide-e-money-licensing (Diakses pada 24 Ogos 2020).

Samsung Malaysia Electronics (SME) Sdn. Bdn. n.d. *Samsung Pay - Secure Mobile*. <https://www.samsung.com/my/samsung-pay/> (Diakses pada 9 September 2020)

Wikipedia Contributors. T.th. *Digital Wallet*. Wikipedia. https://en.wikipedia.org/wiki/Digital_wallet (Diakses pada 24 Ogos 2020).

Temubual

Wan Rumaizi Wan Husin. Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat. 28 Oktober 2020.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.